

Kerajaan Pusat salur RM768 juta untuk projek pembangunan di Pulau Pinang

16 Disember 2015 1:27 AM



ZAINAL ABIDIN OSMAN (kiri) meninjau kerja-kerja pemuliharaan dan pembaikan pantai di Batu Feringghi, Pulau Pinang, semalam. UTUSAN/SAZALI CHE DIN
PULAU PINANG 15 Dis. – Peruntukan sebanyak RM768 juta disediakan Kerajaan Pusat bagi menampung pembangunan projek-projek yang dirancang di negeri ini sepanjang tahun hadapan. Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Pulau Pinang (MTPNPP), Datuk Seri Zainal Abidin Osman berkata, peruntukan itu sebahagian daripada dana berjumlah RM5.67 bilion yang akan disalurkan bagi menampung perbelanjaan keseluruhan pembangunan yang dirancang Kerajaan Pusat di negeri ini.

Menurutnya, buat permulaan peruntukan lebih RM700 juta akan disalurkan terlebih dahulu bagi menampung kerja-kerja pembinaan pelbagai projek melibatkan sektor pertanian, pendidikan, pelaburan, ekonomi, kesihatan dan kesejahteraan rakyat.

“Peruntukan ini untuk kelangsungan dan kesejahteraan hidup rakyat terutama membabitkan projek-projek berimpak tinggi dan kemudahan-kemudahan awam serta keselamatan rakyat,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Tambah Zainal Abidin, peruntukan itu tidak melibatkan perbelanjaan dan kos membabitkan sebanyak 118 projek yang telah dibangunkan tahun ini dengan 53 daripadanya telah disiapkan. Tambahnya, baki sebanyak 50 projek lagi sedang dalam kerja-kerja akhir pembangunan dan dijangka dapat disiapkan dalam masa terdekat.

Dalam perkembangan lain, Zainal Abidin memberitahu, pihaknya memerlukan peruntukan sekurang-kurangnya RM30 juta bagi menggerakkan projek membaik pulih kawasan pantai sepanjang 1.9 kilometer di kawasan Batu Feringghi di sini.

“Dana RM30 juta yang diperlukan ini untuk menampung kos fasa kedua projek terbabit melibatkan kawasan pantai, laut, Sungai Satu dan Sungai Batu Feringghi di kawasan tumpuan pelancong itu yang sebelum ini terjejas.

“Fasa satu projek ini telah dimulakan pada Ogos lalu dan kerja-kerja melebarkan kawasan pantai di Batu Feringghi dengan kos sebanyak RM10.8 juta dijangka dapat disiapkan pada Februari depan,” katanya.

Dalam pada itu, beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri turut menasihatkan Kerajaan DAP Pulau Pinang mengikut langkah Kerajaan Pusat dalam menjaga dan membaik pulih alam sekitar negeri ini untuk kelangsungan hidup penduduk pada masa depan.

- See more at: <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/kerajaan-pusat-salur-rm768-juta-untuk-projek-pembangunan-di-pulau-pinang-1.169463#sthash.4bibSqhs.dpuf>